KUKUM

## Misi

Merealisasikan aspirasi negara dan menyumbang kepada ketamadunan dunia.

## Visi

Institusi akademik dan penyelidikan bertaraf dunia yang menjana pemimpin terbilang negara.

## Nilai Teras

**ILMU KEIKHLASAN KECEMERLANGAN**

## Matlamat & Falsafah

Program kejuruteraan di Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia mempunyai matlamat untuk menghasilkan graduan kejuruteraan yang berkelayakan dalam pelbagai bidang strategik yang berupaya mencari penyelesaian kepada pelbagai bentuk masalah menerusi pemikiran yang inovatif. Kursus kejuruteraan yang dijalankan di universiti ini pada dasarnya menitikberatkan kepada 'lab-intensive'' dengan memberi lebih penekanan kepada amali. Kursus-kursus yang ditawarkan menyatukan teori dengan amali mengikut keperluan industri. Semasa mengikuti kursus, pelajar juga akan dibekalkan dengan kemahiran pengurusan, perakaunan, keusahawanan, kemahiran berkomunikasi, kokurikulum dan pembangunan sahsiah. Ini bertujuan untuk melahirkan jurutera dan pembantu jurutera yang bukan sahaja cekap dalam bidang berteknologi tinggi yang mereka ikuti, tetapi juga berkebolehan untuk berdikari dan mempunyai sifat mulia dan terpuji.